G) Contoh soalan Kertas 2 Bahagian C (Esei Nombor 11).





Puan Sara ingin membuat roti bersama anaknya, Nadia. Puan Sara telah mencampurkan yis ke dalam adunan tepung, manakala Nadia telah terlupa untuk memasukkan yis ke dalam adunannya. Selepas 30 minit, didapati doh Nadia tidak mengembang seperti mana doh adunan ibunya.

(a) Nyatakan satu **pernyataan masalah** daripada maklumat di atas. 1 markah
(b) Cadangkan satu **hipotesis** untuk menyiasat pernyataan di atas. 1 markah
(c) Berdasarkan pernyataan yang diberi, reka bentuk satu eksperimen makmal untuk menguji hipotesis anda dengan menggunakan **larutan glukosa, yis, air suling, air kapur, kelalang kon, tabung uji, salur penghantar, penyumbat getah dan bikar 250 ml.** Huraian anda harus mengandungi aspek berikut

i **Tujuan** eksperimen 1 markah
ii Mengenal pasti **pemboleh ubah** 2 markah
iii **Prosedur** atau kaedah 4 markah
iv **Penjadualan data** 1 markah

Jawapan:

(a)	**Pernyataan masalah**	Adakah **PM** mempengaruhi **PB (situasi soalan)** ?
(b)	**Hipotesis**	Jika **PM** (+/-) maka **PB** (+/-)
i	**Tujuan** eksperimen	Untuk mengkaji hubungan di antara **PM** dengan **PB**
ii	Mengenal pasti **pemboleh ubah**	1. Pemboleh ubah **dimanipulasikan**: 2. Pemboleh ubah **bergerak balas:** 3. Pemboleh ubah **dimalarkan:**
iii	**Prosedur** atau kaedah	 Rajah 1  Rajah 1 1. Buat pemerhatian ...
iv	**Penjadualan data**	PM | PB

Nota: PM (Pemboleh ubah dimanipulasikan) PB (Pemboleh ubah bergerak balas PR (Pemboleh ubah dimalarkan)

LIVEWORKSHEETS